

UPM unggul carta Masum 2016

KUALA TERENGGANU – Kontinjen Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli carta kutipan pingat hari ketiga temasya Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dengan meraih enam pingat emas, empat perak dan dua gangsa yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), kelmarin.

Enam pingat emas itu diraih dalam empat acara sukan memanah iaitu 'recurve' 70 meter (m) lelaki, 'recurve' 70m wanita, 'compound' 90m lelaki dan 'compound' 60m wanita, manakala dua lagi emas disumbangkan menerusi acara tekwondo dalam kategori 'poomsae' individu wanita dan beregu campuran 'poomsae'.

Sukan memanah dan taekwondo terus menjadi lubuk pingat UPM apabila turut menggondol empat pingat perak serta dua gangsa untuk kekal selaku pendahulu carta.

Kedudukan kedua jadi milik Universiti Sains Malaysia dengan tiga emas, dua perak dan tiga gangsa, manakala UniSZA berada di tangga ketiga dengan meraih satu emas, empat perak dan satu gangsa, diikuti Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaya serta Universiti Malaysia Sabah.



Atlet UPM meraih dua pingat emas dan dua perak dalam acara 'poomsae' dipertandingkan pada Karnival Sukan Masum Fasa 1 2016 di Dewan Perdana UniSZA, kelmarin.